

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [ KUANTAN ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sepanjang tempoh PKP, adakah kakitangan KKM (klinikal) diberikan cuti PKP (cuti tidak berekod) jika mereka ingin berehat satu atau dua hari dalam waktu PKP atau adakah cuti tersebut ditolak dari Cuti Rehat (CR).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menjelaskan bahawa **pegawai dibenarkan untuk tidak hadir ke pejabat, institusi atau fasiliti mengikut waktu bekerja yang ditetapkan dan diberi kebenaran untuk melaksanakan skop tugas di rumah atau Bekerja Dari Rumah (BDR).**

2. Bagi kakitangan Kementerian Kesihatan yang menjalankan tugas-tugas klinikal, **mereka boleh dipertimbangkan oleh Ketua Jabatan untuk diberikan cuti rehat atau melaksanakan penggiliran tugas serta BDR bagi tujuan berehat untuk memulihkan kecekapan.** Namun, pertimbangan cuti rehat atau penggiliran tugas ini dibuat setelah mengambil kira kepentingan perkhidmatan.

3. Selain itu, berdasarkan Perintah Am mengenai cuti, Cuti Gantian boleh diberikan kepada pegawai yang telah diarahkan untuk bekerja lebih masa tetapi tidak berkelayakan mendapat bayaran bekerja lebih masa atau sebarang bayaran khas lain. Kadar Cuti Gantian adalah sama banyak dengan tempoh bertugas lebih masa yang diarahkan dan perlu digunakan dalam tempoh enam (6) bulan dalam tahun yang sama.

4. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dirujuk kepada JPA agar anggota kesihatan yang terlibat dalam membendung penularan wabak COVID-19 diberikan pengecualian supaya Cuti Gantian boleh digunakan secara melangkaui tahun.

Sekian, terima kasih.